

Ms.52

## → BISNES

# ANGKASA digesa tingkat perolehan kepada RM55b

[ FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN / BH ]

→ Penerokaan cabang perniagaan baharu mampu lonjak pendapatan koperasi

Oleh Ayisy Yusof  
bhbiz@nstp.com.my

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA) digesa menerajui sektor koperasi untuk meningkatkan perolehannya kepada RM55 bilion daripada sasaran RM50 bilion menjelang 2020.

Menteri Pembangunan Kesahawanan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, berkata sasaran berkenaan boleh dicapai oleh koperasi dengan cabang perniagaan baharu dalam teknologi kewangan, produk halal, logistik dan agrikultur.

"Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semasa bagi sektor koperasi pada masa ini adalah sekitar dua peratus.

"Kerajaan menggesa ANGKASA untuk membantu koperasi yang ada di negara ini untuk meningkatkan sasaran daripada RM50 bilion kepada RM55 bilion menjelang 2020," katanya selepas majlis pelancaran sistem dalam talian MyAzZahra di Kelana Jaya, Selangor, semalam.

Beliau berkata, Malaysia



**Mohd Redzuan (tiga dari kanan)** beramah mesra bersama wakil koperasi pada majlis pelancaran sistem dalam talian MyAzZahra di Kelana Jaya, semalam.

juga perlu meningkatkan pasaran eksport bagi produk halal memandangkan permintaan yang semakin meningkat pada peringkat global dengan saiz pasaran sebanyak AS\$6.4 trilion (RM26.42 trilion).

### Sistem MyAzZahra

Sehingga akhir 2017, terdapat sekitar 14,000 koperasi di negara ini dengan seramai 6.5 juta ahli.

Sementara itu, Orion IXL Bhd yang membangunkan sistem MyAzZahra menjangkakan sumbangan perolehan antara 30 hingga 40 peratus pada tahun pertama pengenalan sistem berkenaan.

Ketua Eksekutifnya, Mohamad Shaharul Mohamad Shariff, berkata syarikat itu akan

Fakta  
nombor

**RM 1 BILION**

unjuran jumlah pembiayaan diproses tahun ini

memperoleh yuran transaksi bagi setiap pembiayaan yang diluluskan di bawah sistem berkenaan.

"MyAzZahra adalah sistem elektronik aplikasi dalam talian yang dibangunkan bagi semua koperasi di bawah naungan ANGKASA.

"Ia adalah satu penerokaan yang kukuh dan baik buat kami dan kami menjangka sekitar 200,000 ahli daripada pelbagai koperasi akan menggunakan sistem ini dalam tempoh setahun pertama.

"Kami juga menjangka lebih daripada RM1 bilion pembiayaan akan diproses tahun ini dan ia akan berkembang pesat kepada RM3 bilion menjelang 2020," katanya.

Perustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA